

11 JAN 1997

Zahir-Iraq

IRAQ MINTA M'SIA BANTU TAMATKAN SEKATAN EKONOMI NEGARANYA

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bersama) -- Iraq meminta Malaysia membantu supaya ditamatkan sekatan ekonomi yang dikenakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1991 terhadap negara itu.

Hasrat itu disampaikan oleh Speaker Dewan Negara Iraq Dr Sadoon Hamadi kepada Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamad Zahir Ismail semasa mengunjungi beliau hari ini.

"Beliau (Dr Sadoon) menceritakan tentang penderitaan yang dialami oleh rakyat Iraq seperti kerumitan mendapatkan bekalan ubat-ubatan sehingga ramai yang meninggal terutama kanak-kanak dan orang tua," kata Mohamad Zahir kepada pemberita selepas menerima kunjungan Dr Sadoon di pejabatnya di sini.

Badan dunia itu tahun lepas telah membenarkan Iraq menjual minyaknya sebagai pertukaran untuk mendapatkan bekalan ubat dan makanan.

Dr Sadoon mengetuai rombongan lima orang ke negara ini termasuk dua anggota Parlimen Iraq.

Mohamad Zahir berkata beliau turut menyatakan kepada Dr Sadoon bahawa Malaysia telah menyuarakan pandangan dan rasa tidak puas hati mengenai sekatan yang dikenakan terhadap Iraq.

"Saya juga menyatakan kepadanya bahawa negara-negara Arab seharusnya membantu antara satu sama lain daripada bertelagah yang kemudiannya diambil kesempatan oleh negara-negara tertentu.

"Saya katakan kepada mereka bahawa mereka mempunyai 'senjata' paling penting iaitu minyak dan ia mencukupi untuk semua...tiada guna untuk bertelagah yang kemudiannya membawa bencana kepada negara sendiri di samping memberi peluang negara asing campur tangan."

Mohamad Zahir berkata sebagai contoh beliau telah menerangkan tentang pendirian Malaysia yang mempunyai hubungan baik dengan negara-negara jiran dalam kawasan Asia Tenggara.

Pada perjumpaan itu, Dr Sadoon turut menjemput Mohamad Zahir mengetuai rombongan anggota Parlimen Malaysia untuk melawat negara itu.

Rombongan Iraq yang tiba semalam untuk lawatan enam hari itu kemudian mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Rombongan itu juga dijangka menemui Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz. -- BERNAMA

NZ NMO